

NO SOALAN :25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
(PEMATANG PAUH)**

**TARIKH : 10.08.17
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keputusan terkini Kerajaan terhadap komitmen untuk mewujudkan Skim Khas Veteran Tentera yang tidak berpencen dan sejauh manakah skim tersebut dapat membantu veteran tentera dalam menghadapi kos sara hidup yang kian meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha untuk membuat penambahbaikan ke atas dasar-dasar sedia ada bagi memastikan kebijakan Veteran ATM terbela.

YAB Perdana Menteri semasa Perhimpunan Veteran ATM pada 31 Julai 2017, di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines (MIECC), Seri Kembangan telah mengumumkan beberapa inisiatif kepada Veteran tidak berpencen iaitu:

- i. Bantuan Bakti Negara (BBN) iaitu bantuan kepada Veteran ATM tidak berpencen sebanyak RM1,200 setahun bagi penerima BR1M dan RM600 bagi Veteran ATM berumur 60 tahun ke atas bukan penerima BR1M;
- ii. Skim Anuiti Veteran (SAVe) iaitu menyediakan pendapatan bulanan seumur hidup kepada bakal Veteran ATM tidak berpencen; dan
- iii. Skim Pencen Hilang Upaya bagi Veteran ATM yang tidak mendapat pencen perkhidmatan, kadar dinaikkan antara RM500 hingga RM2,000 sebulan;

- iv. Insentif veteran kelainan upaya, kadar dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000 setahun;
- v. Penambahan kuota ibadah haji untuk veteran ATM iaitu daripada 100 jemaah kepada 400 jemaah; dan

Inisiatif-inisiatif yang diwujudkan ini merupakan antara kesinambungan usaha Kementerian Pertahanan dan Kerajaan untuk membantu meningkatkan tahap sosioekonomi anggota dan Veteran ATM yang menamatkan perkhidmatan dengan tidak berpencen. Ia diyakini mampu membantu mengurangkan beban kewangan kumpulan sasar secara berterusan dalam jangka masa panjang bagi mendepani kos sara hidup yang kian meningkat.